

03/03/2000

Pertunjukan aerobatik Perancis 11 Mac

KUALA LUMPUR, Khamis - Pasukan aerobatik terkemuka Perancis, Patrouille de France akan mengadakan pertunjukan udara di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang pada 11 Mac ini.

Kenyataan Kedutaan Perancis di sini menyebut, pasukan aerobatik yang dianggotai sembilan juruterbang itu, akan mengadakan satu pertunjukan percuma di pangkalan berkenaan.

"Kehadiran pasukan itu bukan saja mencerminkan hubungan Perancis-Malaysia yang semakin erat, tetapi turut menyerikan sambutan alaf baru di rantau ini," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Patrouille de France menyertai Pameran Udara Asian Aerospace 2000 di Singapura di antara 22 dan 27 Februari lalu, dan melawat negara ini atas jemputan TUDM.

Pasukan aerobatik itu ditubuhkan pada 1953 dan dianggotai sembilan juruterbang, termasuk seorang juruterbang simpanan. Pesawat pelatih Dassault Alphajet adalah pesawat rasmi pasukan berkenaan.

Selain sembilan pesawat berkenaan, pasukan itu yang diketuai Mejar Dominique Perrier, 33, turut disertai sebuah pesawat pengangkut C-130 Hercules dan C-160 Transall, selain sebuah pesawat Falcon 20.

Kenyataan itu menyebut, walaupun ini kali pertama Patrouille de France melawat Malaysia, pasukan berkenaan turut dijemput menyertai Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) pada tahun lalu, tetapi terpaksa menolak kerana jadual ketat.

"Bagaimanapun, berikutan hubungan erat di antara Presiden Perancis, Jacques Chirac dan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kehadiran Patrouille de France mencerminkan hubungan istimewa di antara kedua-dua negara," katanya.

(END)